

SOALAN NO: 96

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan

**DARIPADA** : Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik  
Mohamad [Pasir Puteh]

**TARIKH** : 3 Ogos 2017 (Khamis)

**SOALAN** : Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perbelanjaan yang telah dikeluarkan ke atas Transformasi Ladang selama lima tahun daripada 2011 sehingga 2016. Apakah kejayaan yang telah dicapai daripada pelaksanaan transformasi ladang ini telah dapat membantu para petani di Kelantan.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Jabatan Pertanian Negeri Kelantan telah menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM16,874,298 untuk melaksanakan 17 projek pembangunan bagi tempoh 5 tahun bermula tahun 2011 hingga 2016 termasuk bagi tujuan transformasi ladang.

Antara transformasi ladang yang telah dilaksanakan di Negeri Kelantan adalah:

- a) Teknologi fertigasi bagi tanaman sayur-sayuran. Teknologi ini menjurus ke arah automasi dan kurang menggunakan tenaga buruh serta pengeluaran hasil yang lebih tinggi berbanding sistem konvensional. Sehingga kini, seramai 343 orang petani telah terlibat dalam teknologi ini dengan peningkatan pengeluaran sayur-sayuran daripada 68,683 tan pada tahun 2011 kepada 72,112 tan pada tahun 2015 iaitu peningkatan sebanyak 4 peratus;
- b) Melakukan cantuman dewasa bagi tanaman buah-buahan. Teknologi ini dilaksanakan bagi meremajakan

semula pokok tersebut untuk meningkatkan hasil. Pengeluaran buah-buahan meningkat daripada 125,165 tan pada 2011 kepada 142,879 tan pada tahun 2015 iaitu peningkatan sebanyak 14 peratus;

- c) Menggalakkan petani menggunakan benih padi sah serta mematuhi 12 elemen yang terkandung dalam *Rice Check*. Produktiviti padi meningkat daripada 3.83 tan/ha pada musim 2012/2013 kepada 4.12 tan/ha pada musim 2015/2016 iaitu peningkatan sebanyak 7 peratus; dan
- d) Program Transformasi Usahawan Sektor Ternakan (TRUST). Program TRUST telah dilaksana bertujuan untuk membolehkan penternak kecil membesarkan bidang usaha menjadi usahawan berskala semi-komersial dan komersial. Dalam tempoh 2011-2016 sebanyak RM403,550 peruntukan telah dibelanjakan untuk pelaksanaan program ini dengan melibatkan seramai 17 penternak yang telah menerima bantuan input ternakan di Negeri Kelantan.